PENDAKWA RAYA
lwn.
SATHEESHKUMAR SONGODO

Mahkamah Tinggi Malaya, Shah Alam
Wendy Ooi Su Ghee PK
[Rayuan Jenayah No: BA-41LB-35-08/2021]
28 Februari 2023

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Mohd Saipol Bahri Yaakub [2016] MLRHU 402 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s 420

Lain-lain yang dirujuk:
Ratanlal Dhirajlal, *The Indian Penal Code*, 32nd Edn, p 2842

Kaunsel:
Bagi pihak pendakwaan/responden: Mohamad Firdaous Mohamed Idris; TPR, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
Bagi pihak perayu: Kohila; Tetuan Kohi & Associates

[Rayuan perayu ditolak.]

PENGHAKIMAN

Wendy Ooi Su Ghee PK:

[1] Ini adalah rayuan daripada Timbalan Pendakwaraya terhadap keputusan hakim bicara pada 13 Ogos 2021 yang telah melepas dan membebaskan Responden tanpa pembelaan dipanggil bagi keempat-empat tuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan.

[2] Keempat-empat tuduhan terhadap Responden adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

> "...Bahawa kamu pada 18 Mac 2016 jam lebih kurang 8.27 malam di No 23, Jalan Kiambang 12, Taman Gembira, 42700 Banting, Dalam Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah menipu Yie Kiong Ern (890620-43-5505) dengan memperdayakan beliau supaya mempercayai kamu bahawa kamu boleh mendapatkan Fresh Oil Palm Kernel Shell, kamu dengan curangnya mendorong beliau untuk memasukkan wang sebanyak RM350.00 ke dalam akaun Maybank milik Subaseni A/P Gunasekaran, Nombor Akaun 112028-099510, yang mana beliau tidak akan

memasukkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 420 Kanun Keseksaan..."

Pertuduhan Kedua

"...Bahawa kamu pada 22 Mac 2016 jam lebih kurang 7.02 malam di No 23, Jalan Kiambang 12, Taman Gembira, 42700 Banting, Dalam Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah menipu Yie Kiong Ern (890620-43-5505) dengan memperdayakan beliau supaya mempercayai kamu bahawa kamu boleh mendapatkan Fresh Oil Palm Kernel Shell, kamu dengan curangnya mendorong beliau untuk memasukkan wang sebanyak RM2,250.00 ke dalam akaun Maybank milik Subaseni a/p Gunasekaran, Nombor Akaun 112028-099510, yang mana beliau tidak akan memasukkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 420 Kanun Keseksaan..."

Pertuduhan Ketiga

"...Bahawa kamu pada 23 Mac 2016 jam lebih kurang 2.42 petang di No 23, Jalan Kiambang 12, Taman Gembira, 42700 Banting, Dalam Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah menipu Yie Kiong Ern (890620-43-5505) dengan memperdayakan beliau supaya mempercayai kamu bahawa kamu boleh mendapatkan Fresh Oil Palm Kernel Shell, kamu dengan curangnya mendorong beliau untuk memasukkan wang sebanyak RM15,000.00 ke dalam akaun Maybank milik Subaseni a/p Gunasekaran, Nombor Akaun 112028-099510, yang mana beliau tidak akan memasukkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 420 Kanun Keseksaan..."

Pertuduhan Keempat

"...Bahawa kamu pada 24 Mac 2016 jam lebih kurang 12.57 tengahari di Tepi Jalan Hadapan Agro Bank Bahau, Dalam Daerah Jempol, Dalam Negeri Sembilan Darul Khusus telah menipu Yie Kiong Ern (890620-43-5505) dengan memperdayakan beliau supaya mempercayai kamu bahawa kamu boleh mendapatkan Fresh Oil Palm Kernel Shell, kamu dengan curangnya mendorong beliau untuk memasukkan wang sebanyak RM16,250.00 ke dalam akaun Maybank milik

> Subaseni a/p Gunasekaran, Nombor Akaun 112028-099510, yang mana beliau tidak akan memasukkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian oleh kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 420 Kanun Keseksaan..."

[3] Seksyen 420 Kanun Keseksaan adalah suatu seksyen yang memperuntukkan kesalahan menipu dan secara tidak jujur mendorong supaya harta diserahkan dan ia berbunyi sedemikian:

> "...Barang siapa menipu dan dengan jalan demikian itu mendorong secara tidak jujur orang yang terpedaya, sama atau tidak perdayaan yang diamalkan itu ialah dorongan tunggal atau utama, supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya membuat, mengubah atau membinasakan kesemua atau apa-apa bahagian sesuatu cagaran berharga, atau apa-apa yang bertandatangan atau bermeteri, dan yang boleh dijadikan suatu cagaran berharga, hendaklah dihukum dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan hendaklah juga dikenakan denda..."

[4] Menurut Ratanlal Dhirajlal's *The Indian Penal Code* 32nd Edition di ms 2842, elemen-elemen dalam pertuduhan di bawah s 420 KK yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan terhadap tertuduh adalah:

> (a) There must be deception ie the accused must have deceived someone;
>
> (b) That by the said deception, the accused must induce a person:
>
> (i) To deliver any property; or
>
> (ii) To make, alter or destroy the whole or part of the valuable security, or anything which is signed or sealed and which is capable of being converted into a valuable property;
>
> (iii) That the accused did so dishonestly.

[5] Dalam pada itu, daripada keempat-empat tuduhan terhadap Tertuduh, Pendakwaan perlu membuktikan satu kes *prima facie* bahawa Tertuduh telah menipu dan mendorong secara tidak jujur Yie Kiong Ern (No KP 890620-43-5505) bahawa beliau boleh mendapatkan Fresh Oil Palm Kernel Shell dan berdasarkan penipuan dan dorongan curang tersebut, Yie Kiong Ern telah memasukkan wang berjumlah RM34,500.00 ke dalam akaun Maybank milik Subaseni A/P Gunasekaran.

[6] Secara ringkasnya keterangan pendakwaan menunjukkan berikut:

> 6.1 Yie Kiong Ern (No KP 890620-43-5505) iaitu pengadu @ SP1 telah memasuki satu urusan jual beli 150 tan Fresh Oil Palm Kernel

Shell dengan Responden dengan kadar RM230.00 per tan setelah menerima arahan pelanggan SP1 iaitu LSR Agency untuk membekalkan Fresh Oil Palm Kernel Shell tersebut ke kilang A1 Glove.

6.2 SP1 telah mengeluarkan Purchase Order @ P1 bertarikh 22 Mac 2016 kepada Responden.

6.3 SP1 juga telah membuat bayaran-bayaran sebanyak RM34,500.00 ke dalam akaun isteri Responden yang bernama Subaseni A/P Gunasekaran. Penyata bank isteri Responden dikemukakan sebagai P10.

6.4 SP3 pemilik LSR Agency juga telah menyerahkan 3 keping Delivery Order @ DO @ P5 A-C kepada SP1 untuk penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell tersebut ke kilang A1 Glove.

6.5 Pada 24 Mac 2016, SP1 telah menunggu penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell oleh Responden ke kilang A1 Glove yang mana menurut SP1 tiada penghantaran dibuat oleh Responden.

6.6 SP6 selaku pegawai penyiasat telah menemubual pengawal keselamatan kilang A1 Glove untuk mengesahkan tiada penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell.

6.7 Pada 25 Mac 2016, SP1 telah pergi ke kilang Responden namun beliau tidak menjumpai kilang Responden tetapi kawasan hutan sahaja. Keputusan Carian Kebankrapan @ P11 menunjukkan Responden telah bankrap pada 4 Ogos 2016. Manakala carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia @ P12 menunjukkan syarikat Responden telah luput pada 16 April 2013.

6.8 Oleh itu, menurut pihak pendakwaan, tuduhan-tuduhan di bawah s 420 KK telah berjaya dibuktikan terhadap Responden.

[7] Pada akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap Responden bagi keempat-empat tuduhan dan melepas dan membebaskan Responden tanpa pembelaan dipanggil. Hakim bicara juga dalam alasan penghakimannya membuat dapatan bahawa tindakan sivil boleh diambil terhadap Responden oleh mana-mana pihak.

[8] Terkilan dengan keputusan hakim bicara, pihak Pendakwaan telah memfailkan Notis Rayuan pada 18 Ogos 2021.

[9] Dalam Petisyen Rayuan, pihak Timbalan Pendakwaraya telah menghujahkan hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana:

(i) melepas dan membebaskan Responden di akhir kes pendakwaan

sedangkan terdapat keterangan yang mencukupi untuk memanggil Responden.

(ii) memutuskan terdapat keraguan berhubung keterangan saksi pendakwaan tanpa mengambil kira keseluruhan fakta dan keadaan kes pendakwaan.

(iii) memutuskan tidak ada dorongan yang curang atau tidak jujur terhadap SP1.

(iv) memutuskan satu-satunya dokumen yang menunjukkan transaksi antara SP1 dengan Responden adalah Purchase Order sedangkan penyata akaun isteri Responden @ P10 menunjukkan transaksi-transaksi oleh SP1 sama dengan amaun yang dinyatakan dalam Purchase Order.

(v) gagal mengambil kira masalah kewangan dan status bankrap Responden.

(vi) memutuskan kegagalan memanggil Pengarah Urusan A1 Glove membuat kelompangan dalam kes Pendakwaan.

(vii) memutuskan perlu keterangan bagi menyokong keterangan SP1 yang beliau menunggu Responden di A1 Glove sedangkan SP1 adalah keterangan yang boleh dipercayai dan tiada percanggahan.

[10] Sebaliknya, pihak Responden berhujah dapatan hakim bicara adalah tepat berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan seperti berikut:

(a) Semasa keterangan SP1, dia langsung tidak menunjukkan apa-apa bukti yang menunjukkan Responden tidak menghantar Fresh Oil Palm Kernel Shell seperti yang dipesan oleh SP1.

(b) Dokumentasi-dokumentasi yang dikemukakan oleh SP1 terutamanya Purchase Order @ P1 bukanlah dokumentasi yang sah kerana dokumentasi itu tidak ditandatangani oleh mana-mana pihak dan tiada pembuktian dihantar kepada Responden.

(c) Malah, SP1 tidak mempunyai apa-apa pembuktian mengenai perbincangan mengenai transaksi jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell dengan Responden dan tiada bukti dokumentasi yang dikemukakan dihantar kepada Responden.

(d) SP1 tidak menyatakan dalam laporan polis beliau mengenai penglibatan SP3 dalam transaksi ini dan Delivery Order dikeluarkan oleh SP3. Ini menunjukkan ketidakkonsistenan kenyataan SP1 di Mahkamah.

(e) Keterangan SP3 tidak disokong oleh apa-apa bukti kukuh mengenai transaksi dengan SP1, Syarikat A1 Glove mahupun

Responden. Tiada bukti dokumentasi yang kukuh mengenai penghantaran barangan yang dipesan oleh SP1 dan perjanjian syarikat SP3 dengan Syarikat A1 Glove.

(f) Penyiasatan SP6 adalah tidak menyeluruh di mana SP6 tidak dapat pastikan samada Responden telah usaha untuk menyerahkan barangan yang dipesan di alamat yang diberi oleh SP1.

(g) SP6 juga telah gagal menyiasat kenapa SP1 dan SP3 menyatakan bahawa barangan perlu dihantar ke A1 Glove, namun Pengarah Urusan A1 Glove dalam laporan polisnya dengan jelas menyatakan bahawa beliau tidak membuat apa-apa belian atau pesanan untuk Fresh Oil Palm Kernel Shell.

(h) SP6 juga gagal menyiasat adakah kilang Responden wujud atau tidak, adakah betul Responden telah pergi ke kilang A1 Glove dan adakah SP1 menunggu di premis A1 Glove. Kegagalan membuat penyiasatan telah mengakibatkan banyak perkara tidak dapat dipastikan mengenai keseluruhan transaksi ini dan tiada pembuktian yang substantial mengenai dakwaan SP1.

[11] Alasan Penghakiman hakim bicara serta keputusan hakim bicara pada akhir kes pendakwaan, kesemuanya adalah berdasarkan penemuan fakta oleh hakim bicara berpandukan kepada undang-undang relevan dan mahkamah ini enggan campur tangan melainkan mereka jelas salah.

[12] Pengamatan Alasan Penghakiman hakim bicara menunjukkan hakim bicara telah membuat penemuan fakta-fakta serta inferens-inferens berikut daripada keterangan-keterangan saksi-saksi Pendakwaan (khasnya SP1 dan SP6) serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan.

[13] Adalah dapatan hakim bicara bahawa satu-satunya bukti dokumentari bagi menyokong kewujudan urusan jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell antara SP1 dan Responden adalah Purchase Order @ P1. Namun, Purchase Order tersebut tidak mengandungi tandatangan mana-mana pihak samada SP1 ataupun Responden. Keterangan SP1 juga menunjukkan tiada pembuktian Purchase Order dihantar kepada Responden. Juga, tiada Perjanjian Jual Beli dikemukakan. Berdasarkan kepada Purchase Order yang tiada tandatangan SP1 atau Responden serta ketiadaan Perjanjian Jual Beli, hakim bicara telah berpandangan keesahan P1 tersebut tidak dapat dibuktikan. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara mengenai isu ini. Malah adalah dapatan Mahkamah ini bahawa tanpa apa-apa bukti tandatangan oleh SP1 atau Responden di atas Purchase Order, P1 tiada bezanya daripada suatu Purchase Order yang direka-reka kemudiannya @ fabricated later.

[14] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa keesahan Purchase Order @ P1 adalah penting dan perlu dibuktikan kerana ia adalah berkaitan dengan pembuktian kewujudan urusan jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell antara SP1 dan Responden. Namun, selain daripada Purchase

Order @ P1, tidak ada apa-apa bukti dokumentari lain termasuk Perjanjian Jual Beli yang dikemukakan oleh SP1 bagi mengesahkan kewujudan urusan jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell tersebut. Memandangkan dalam pertuduhan-pertuduhan di bawah s 420 KK, salah satu elemen yang perlu dibuktikan adalah kewujudan urusan jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell antara SP1 dan Responden, maka keesahan Purchase Order @ P1 perlu dibuktikan.

[15] Seterusnya, adalah dapatan Mahkamah ini bahawa transaksi- transaksi oleh SP1 ke dalam akaun isteri Responden yang dipaparkan dalam penyata bank @ SP10 paling lebih menunjukkan wang dimasukkan ke dalam akaun tersebut. Namun apakah tujuan kemasukan wang tersebut? Selagi tujuannya belum dibuktikan oleh pihak pendakwaan, transaksi-transaksi wang tersebut tidak menunjukkan elemen dorongan yang curang atau tidak jujur oleh Responden terhadap SP1. Begitu juga dengan isu masalah kewangan atau kebankrapan Responden.

[16] Dalam pada itu, berkaitan dengan penghujahan Perayu bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana memutuskan satu-satunya dokumen yang menunjukkan transaksi antara SP1 dengan Responden adalah Purchase Order sedangkan penyata akaun isteri Responden @ P10 menunjukkan transaksi-transaksi oleh SP1 sama dengan amaun yang dinyatakan dalam Purchase Order, Mahkamah ini mendapati penghujahan Perayu adalah tidak bermerit.

[17] Selanjutnya, Alasan Penghakiman hakim bicara menunjukkan hakim bicara juga telah membuat penemuan fakta-fakta serta inferens-inferens berikut daripada keterangan-keterangan saksi-saksi Pendakwaan (khasnya SP1 dan SP6) serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan:

> 17.1 Biarpun SP1 memberi keterangan bahawa beliau telah menunggu penghantaran lori oleh Responden di kilang A1 Glove iaitu lokasi penghantaran, namun tidak ada apa-apa bukti lain yang dikemukakan oleh SP1 bahawa beliau telah menunggu di kilang A1 Glove iaitu lokasi penghantaran.
>
> 17.2 Walaupun SP6 memberi keterangan bahawa beliau ada menemubual pengawal keselamatan kilang A1 Glove untuk mengesahkan tiada penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell, namun pengawal keselamatan kilang A1 Glove tidak dipanggil sebagai saksi untuk memberi keterangan.
>
> 17.3 Malah, tidak ada buku pelawat kilang A1 Glove yang dikemukakan.
>
> 17.4 Juga, SP6 tidak membuat siasatan tentang kewujudan CCTV di kilang A1 Glove. Adalah dapatan hakim bicara bahawa rakaman CCTV akan dapat menyokong keterangan SP1 bahawa beliau telah menunggu di kilang A1 Glove iaitu lokasi penghantaran. Rakaman CCTV juga akan dapat menyokong keterangan SP6 tentang ketiadaan

penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell di kilang A1 Glove. Adalah dapatan hakim bicara juga bahawa keterangan pengawal keselamatan serta buku pelawat kilang A1 Glove juga akan dapat menyokong keterangan SP1 serta SP6.

17.5 Tidak ada gambar kawasan kilang Responden yang dikemukakan walaupun SP1 menyatakan beliau telah pergi ke lokasi kilang Responden tetapi tidak menjumpai kilang tersebut, sebaliknya hutan yang wujud.

17.6 SP6 juga tidak membuat siasatan ke atas kawasan lokasi kilang Responden dan hanya bergantung kepada keterangan SP1.

[18] Adalah dapatan hakim bicara bahawa kegagalan memanggil Pengarah Urusan A1 Glove telah mewujudkan kelompangan dalam kes Pendakwaan. Dari keterangan pendakwaan, Pengarah Urusan kilang A1 Glove telah menafikan penglibatan syarikat dengan urusan jual beli Fresh Oil Palm Kernel Shell. Dalam pada itu, penafian Pengarah Urusan kilang A1 Glove ini bercanggahan terus dengan keterangan SP1 khasnya mengenai penempahan, pembekalan dan penghantaran Fresh Oil Palm Kernel Shell tersebut. Lebih-lebih lagi Pengarah Urusan kilang A1 Glove juga tidak dipanggil sebagai saksi untuk menjelaskan penafiannya atau pun untuk mengesahkan samada terdapat lori penghantaran pada 24 Mac 2016 dan 25 Mac 2016.

[19] Dalam pada itu, hakim bicara telah membuat dapatan-dapatan tersebut berpandukan kepada prinsip undang-undang bahawa beban pembuktian adalah terletak di atas bahu pendakwaan untuk membuktikan kes serta untuk menutup jurang-jurang keterangan saksi-saksi pendakwaan dan bukannya beban pembelaan untuk berbuat demikian.

[20] Selanjutnya, adalah dapatan hakim bicara juga bahawa siasatan SP6 selaku pegawai penyiasat adalah penting bagi membuktikan elemen perdayaan oleh Responden iaitu telah menjual Fresh Oil Palm Kernel Shell yang tidak wujud. Kelemahan-kelemahan siasatan SP6 bukan sahaja telah merosak dan melemahkan kes pendakwaan bahkan telah mewujudkan inferens yang lebih memihak kepada Responden. (kes *PP v. Mohd Saipol Bahri Yaakub* [2016] MLRHU 402)

[21] Hakim bicara telah membuat inferens-inferens berikut memandangkan tiada bukti lain yang menunjukkan SP1 menunggu di kilang A1 Glove iaitu lokasi penghantaran kecuali keterangan SP1 sahaja. Adalah dapatan hakim bicara bahawa siasatan lanjut daripada SP6 serta keterangan Pengarah Urusan A1 Glove akan dapat menyokong keterangan SP1. Maka kelemahan-kelemahan siasatan SP6 (iaitu ketiadaan buku pelawat A1 Glove, ketiadaan keterangan pegawai keselamatan, ketiadaan siasatan mengenai kewujudan CCTV di kilang A1) telah mewujudkan inferens yang lebih memihak kepada Responden. Begitu juga dengan keterangan SP1 mengenai ketidakwujudan kilang Responden. Tiada gambar kawasan kilang Responden yang dikemukakan serta ketiadaan siasatan oleh SP6 ke atas lokasi tersebut.

[22] Dalam pada itu, setelah Mahkamah ini mengkaji semula nota-nota keterangan serta alasan penghakiman, adalah nyata dapatan-dapatan fakta oleh hakim bicara yang dinyatakan di atas adalah inferens yang sah berdasarkan penilaian maksima keseluruhan fakta dan keadaan kes pendakwaan. Hakim bicara juga telah berpeluang melihat dan menilai kredibiliti setiap saksi pendakwaan semasa mereka memberi keterangan di mahkamah. Maka tidak ada sebab Mahkamah ini menganggu dapatan-dapatan fakta tersebut oleh hakim bicara.

[23] Adalah dapatan Mahkamah ini juga bahawa berpandukan undang-undang yang relevan kepada penemuan/dapatan fakta berkenaan, hakim bicara telah membuat keputusan betul apabila mendapati Pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap Responden bagi keempat-empat tuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan melepas dan membebaskan Responden tanpa pembelaan dipanggil. Rayuan Perayu dengan ini adalah ditolak dan keputusan hakim bicara dikekalkan.